

Bab
Dua

BAB DUA

PERKEMBANGAN ILMU TAUHID DAN PERSOALAN SIFAT

2.0 PENDAHULUAN.

Ilmu Tauhid yang diterima oleh kita pada hari ini telah melalui zaman yang agak panjang. Di sepanjang laluan ini, ia telah mengalami pelbagai perubahan dan penambahan, hasil daripada perkembangan pemikiran manusia terhadap hal-hal ketuhanan. Menurut seorang ahli sosiologi dan antropologi Jerman yang bernama Mueller, menyatakan bahawa Agama asli tiap-tiap bangsa di dunia ini bukanlah agama syirik (*politeisme*) yang mempercayai banyak Tuhan, melainkan agama asli mereka adalah agama Tauhid (*monoteisme*) yang mempercayai ketuhanan Yang Maha Esa.¹

Apa yang cuba dinyatakan oleh Mueller itu adalah bertepatan dengan keterangan agama yang menyatakan bahawa, ajaran Tauhid itu adalah ajaran yang benar yang tidak boleh diragui. Oleh itu timbulnya kemusyrikan tentang *politeisme*, *panteisme* dan *ateisme* adalah akibat daripada penyelewengan pemikiran terhadap hal-hal ketuhanan daripada landasan yang benar.

¹ H. Hamzah Ya'qub, Dr (1988), *Kuliah Ilmu Tauhid (Ilmu Kalam)*. Singapura: Pustaka Nasional, h. 24

Oleh itu para Rasul yang diutus kepada umat manusia sentiasa berjuang menghadapi golongan-golongan musyrikin dan ateis yang menyeleweng daripada ajaran tauhid yang sebenar sebagaimana firman Allah SWT²

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ
وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ

maksudnya:

Dia lah yang telah mengutus RasulNya (Muhammad) dengan membawa petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), untuk dimenangkan dan ditinggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya.

2.1 SEJARAH PERKEMBANGAN ILMU TAUHID.

Sejarah dan perkembangan ilmu tauhid dapat dibahagikan kepada beberapa zaman, di antaranya;

2.1.1 ZAMAN RASULULLAH S.A.W.

Nabi Muhammad s.a.w. diutus dalam suasana masyarakat pada ketika itu berada di kemuncak kemusnahan akidah. Masyarakat Jahiliah Arab umumnya mengikuti fahaman syirik walaupun ada di antara mereka mengaku sebagai pengikut Rasul yang terdahulu. Namun hakikatnya mereka semua telah menyimpang jauh daripada ajaran yang dibawa oleh rasul-rasul terdahulu sehingga mereka terjebak di dalam lembah kesyirikan.

² Sūrah At-Taubah : 33

Pengutusan Rasulullah s.a.w. sebagai pembawa petunjuk kepada umat manusia yang sedang berada di dalam kesesatan yang nyata, sebagaimana firman Allah SWT³

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ
وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ

Terjemahannya:

Dia lah yang telah mengutus RasulNya (Muhammad) dengan membawa petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), untuk dimenangkan dan ditinggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya.

Sebagai usaha ke arah pengislahan akidah umat manusia ketika itu, Rasulullah s.a.w. telah menumpukan sepenuh keringat tenaganya dalam membentuk akidah tauhid di dalam diri manusia, melalui pembinaan bangunan tauhid atau benteng akidah di dalam diri manusia. Bangunan ini telah menjadi asas dan pendorong kepada kemajuan yang dicapai oleh kaum Muslim dalam segala bidang.

Rasulullah s.a.w. telah menyemai akidah tauhid di dalam diri manusia melalui wahyu Allah SWT dan pertunjuk Ilahi iaitu al-Qur'an. Metodologi yang digunakan oleh al-Qur'an untuk menyemai akidah tersebut di dalam hati manusia ialah dengan mempersembahkannya kepada manusia secara sederhana, *simpel* dan logik. Al-Qur'an cuba menarik perhatian manusia kepada kejadian yang terdapat di langit dan di bumi, serta mencuit pemikiran mereka untuk memikirkan tanda-tanda kebesaran Allah SWT di samping mencetuskan perasaan beragama yang

³ Sūrah At-Taubah : 33

tertanam secara semula jadi dalam diri mereka dan merasakan tentang adanya dunia lain di sebalik dunia kebendaan ini. Berdasarkan asas-asas inilah Rasulullah s.a.w. telah berusaha untuk menyemai akidah tauhid di kalangan umatnya dengan menarik perhatian, mengarah pemikiran, menyedarkan akal, membangkitkan perasaan fitrah semula jadi serta menjaga semaian itu dengan pendidikan dan menyuburkannya sehingga Baginda mencapai kejayaan yang tinggi apabila Baginda telah berjaya memindahkan umat manusia dari menyembah berhala dan mensyirikkan Allah s.w.t, menuju ke arah akidah ketauhidan Allah SWT, serta menurap hati sanubari mereka dengan Iman dan keyakinan.⁴

Tidak dapat disangkal bahawa akidah tauhid itu telah menjadi motivasi bagi pembangunan dalam segala bidang pada zaman selepasnya. Ini terbukti apabila Rasulullah s.a.w. dengan metodologi yang digunakan oleh Baginda telah berjaya membentuk satu golongan perintis pembaharuan. Baginda juga telah berjaya mewujudkan satu generasi yang berbangga dengan keimanan, maka generasi itu telah menjadi seumpama sang suria kepada alam dunia ini yang melimpahkan kebaikan untuk semua umat manusia. Firman Allah SWT⁵

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Terjemahan:

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang

⁴ 'Abdul Mājid 'Azīzi al-Zandānī (1992), *Tauhid al-Khalak (Tauhid : Pendekatan Saintifik)*
Prof Madya Osman Hj. Khalid (trej). Kuala Lumpur: BAHIS, h. 11.

⁵ Sūrah al-Imran :110

daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).

2.1.2 ZAMAN KHULAFĀ' AL-RĀSYIDĪN.

Setelah berlalunya zaman Rasulullah s.a.w. yang telah berjaya melenyapkan kegelapan syubhat dengan menyalakan pelita hidayah yang menerangi kehidupan manusia. Usaha menjaga dan menyuburkan akidah tauhid yang dibentuk oleh Rasulullah s.a.w. ini diteruskan oleh para pengganti Rasulullah s.a.w. iaitu Khulafā' al-Rāsyidīn. Dalam usaha tersebut para sahabat masih lagi meneruskan metodologi yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam perkara tauhid. Apabila timbul sesuatu masalah, cepat-cepat persoalan itu dibawa ke hadapan khalifah. Khalifah yang bertanggungjawab penuh dalam hal tersebut akan menjelaskan permasalahan tersebut melalui musyawarah terlebih dahulu dengan para ulama yang selalu mendampingi para khalifah. Metodologi yang sering digunakan oleh Khulafā' al-Rāsyidīn dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul ialah dengan merujuk masalah tersebut kepada al-Qur'ān dan Hadis. Sekiranya tidak dapat diselesaikan meneruskannya, mereka mengiaskan perkara tersebut dengan perkara yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w.⁶. Biasanya perselisihan-perselisihan itu timbul sekitar cabang-cabang hukum (*fīru'*) agama. Ianya bukan mengenai masalah pokok iaitu dasar kepercayaan (akidah) kerana perbezaan pendapat dalam masalah akidah akan menimbulkan perselisihan dan perpecahan. Keadaan masyarakat pada zaman tersebut cukup faham dengan isyarat-isyarat al-Qur'ān dan *naṣ-naṣnya*. Mereka membaca al-Qur'ān tanpa mencari takwil bagi ayat-ayat yang mereka baca.

⁶ Mudasir Rosder (1989), *Asas Tauhid: Pertumbuhan Dan Huraiananya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 3. Lihat juga, Muṣṭafā al-Ghurabī (t.t), *Tārīkh al-Firaq al-Islāmiyyah*. : Qāhīrah : Maṭba'ah Muḥammad 'Alī Subikh, h. 14.

Perbahasan mengenai akidah secara ilmiah belum menonjol pada zaman ini mungkin disebabkan oleh kesibukan para khalifah menghadapi musuh-musuh Islam. Walaupun demikian, timbul juga persoalan dalam masalah akidah tujuannya bukanlah untuk berdebat tapi hanyalah untuk mendalami ilmu agama. Manakala penjelasan yang diberikan oleh sahabat adalah bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan di kalangan masyarakat⁷.

Zaman akhir pemerintahan Khulafā' al-Rāsyidīn iaitu zaman Khalifah 'Usmān dan Khalifah Ali menyaksikan perbincangan akidah mula hangat. Terbunuhnya Khalifah 'Usmān Ibn 'Affān tanpa melalui saluran hukum maka timbullah bibit-bibit perpecahan dengan wujudnya perbezaan fahaman politik yang mana masing-masing cuba mempertahankan pendirian mereka. Keadaan tersebut telah memberi ruang ke arah pentakwilan naṣ-naṣ al-Qur'ān dan Hadis Rasulullah s.a.w. Sejak itu mulalah babak baru dalam pertumbuhan ilmu tauhid, di mana perbincangan dalam masalah akidah dan segala masalah yang berhubung dengannya kian subur berkembang dalam zaman Banī Umayyah.

2.1.3 ZAMAN BANĪ UMAIYAH.

Selain daripada pergolakan politik yang masih berlanjutan dari zaman khilafah al-Rāsyidīn, empayar Islam di zaman Banī Umayyah juga bertambah luas yang menyebabkan berbondong-bondong manusia memeluk Islam. Mereka ini terdiri daripada Bangsa Yunani, Rom dan Parsi⁸. Mereka membawa bersama-

⁷ *Ibid.*

⁸ Mahayudin Hj. Yahaya (2001), *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h.391

sama kepercayaan yang selama ini mereka anuti dan cuba mempertemukan Islam dengan apa yang mereka peroleh sebelumnya.⁹ Situasi ini telah mewujudkan di dalam Islam hubungan dengan pemikiran asing dan penerokaan fikiran mengenai perkara-perkara yang di luar bidangnya yang menyebabkan ia melencong dari metodologi al-Qur'ān yang sebenar.

Kebebasan berfikir dan mengeluarkan pendapat yang dipegang oleh Islam telah digunakan oleh mereka yang baru memeluk Islam bagi membincangkan perkara-perkara yang mana sebelum ini kurang diberi tumpuan oleh para sahabat seperti masalah *Qadar* dan sebagainya.

Masalah *Qadar* yang dahulunya dibatasi perbahasannya kerana dikhuatiri boleh membawa kepada perpecahan, mula diungkapkan kembali secara bebas. Maka timbullah golongan Qadariyah yang dicetuskan oleh Ma'bad al-Juhainī (80H) yang berpegang kepada kebebasan berbuat dan memilih tanpa campur tangan Tuhan dalam perbuatan manusia¹⁰. Golongan ini berpendapat bahawa Allah SWT tidak mengetahui segala apa yang dilakukan oleh manusia dan segala apa yang dilakukan itu tidak dengan *Qudrah* dan *Irādah* Allah SWT, bahkan manusia mengetahui serta mewujudkan segala yang di amalkannya dengan *Qudrah* dan *Irādahnya* sendiri.¹¹

⁹ Muḥamad 'Abduh (1992), *Risalah Tauhid* K.H. Firdaus A.N. (trej). Malaysia: Thinkers Library, h. 10.

¹⁰ Abd al-Qāhir Ibn Tāhir Ibn Muḥammad al-Tamīmī Asfiraynī al-Baghdādī (1990), *Al-Farq Bayn al-Firaq* Taḥqīq Muḥammad Maḥy al-Dīn 'Abd al-Ḥamid. Bairut: Maktabah al-'Asriyah, h. 116.

¹¹ Noraine Abu (1999), *Sifat 20: Ke Arah Memahami Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah*, Selangor: Pustaka Ilmi, h. 241

Bermula dari zaman ini, Iman yang dahulunya bersifat *simpel*, positif dan unggul, telah bertukar menjadi persoalan-persoalan falsafah, kesimpulan-kesimpulan logik serta perbincangan yang sia-sia. Sehingga Iman bukan lagi Iman yang dapat membersihkan jiwa atau dapat meningkatkan peribadi orang perseorangan atau menghidupkan sesuatu ummah¹⁶.

Demikianlah situasi yang wujud pada masa itu yang agak jauh berbeza dengan zaman Khilafah al-Rāsyidīn, malahan kian jauh dibandingkan dengan zaman Nabi s.a.w.

2.1.4 ZAMAN BANĪ ‘ABBĀSIYAH

Salah satu ciri pada zaman Banī ‘Abbāsiyah ialah dikembangkan penterjemahan buku-buku falsafah Yunani. Cendekiawan Islam mula tertarik mempelajari falsafah Yunani dan cuba menerapkan metode-metodenya ke dalam ilmu kalam¹⁷. Dengan jalan ini, ilmu kalam yang kian tumbuh diperkukuhkan lagi oleh falsafah sehingga mempunyai warna yang baru.

Pada zaman ini, banyak buku-buku dikarang oleh ahli-ahli ilmu daripada aliran yang pelbagai bagi mengetengahkan fahaman-fahaman mazhab mereka dan bagi menyangkal pendapat-pendapat mazhab lain. ‘Amrū Ibn ‘Ubaid al-Mu‘tazili (144 H) seorang ulama Mu‘tazilah telah mengarang buku “*Al-raddu ‘alā Qadariyah*”. Sementara itu Ḥisyam Ibn al-Hakam al-Syi‘i (140 H) seorang ulama Syi‘ah yang terkenal telah menulis sebuah kitab yang menolak fahaman

¹⁶ Al-Zandānī (1992), *op.cit.*, h. 12.

¹⁷ H. Hamzah Ya‘qub (1988), *op.cit.*, h. 37.

Mu'tazilah. Abū Ḥanīfah telah menyusun sebuah kitab "*Fiqhu al-Akbar*" yang mempertahankan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Al-Syāfi'i juga mengarang kitab "*Fiqhu al-Akbar*" yang berhubung dengan ilmu kalam.

Golongan Mu'tazilah yang bijak menggunakan akal dalam mengeluarkan hujah telah berjaya menarik ramai khalifah 'Abbāsiyah mengikutinya, seperti al-Ma'mūn, al-Mu'tasim dan al-Watsiq. Pada zaman inilah Mu'tazilah mencapai puncak kejayaannya. Apabila munculnya Abū Hasan al-Asy'ari (324 H) yang menjadi pelopor mazhab *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā'ah* yang merupakan saat kemunduran mazhab Mu'tazilah.

Di zaman ini juga telah berkembang golongan yang mendasarkan pendapatnya kepada pemikiran semata-mata untuk menemukan ilmu dan menyempurnakan apa yang dapat memberi kepuasan kepada akal mereka dalam menyingkap tabir rahsia sesuatu yang belum diketahui oleh umum atau mengemukakan apa yang menjadi hasil pemikiran akal mereka ¹⁸. Islam sememangnya memberi kebebasan kepada akal untuk mencari jalan yang dapat membawa kebahagiaan dan dapat membezakan yang hak dan batil. Tetapi apa yang menjadi kegusaran kepada para ilmuwan Islam yang datang selepas daripada itu di dalam kebebasan menggunakan akal ialah kekaguman mereka kepada aliran falsafah Yunani, terutama sekali tentang buah fikiran Aristoteles dan Plato yang menyebabkan mereka mengambil ajaran tersebut dan bertaklid secara membuta tuli tanpa menyemak benar atau salah ajaran tersebut. Begitu juga dengan pengaruh hawa nafsu pada diri kebanyakan para ilmuwan tersebut dalam

¹⁸ Muḥamad 'Abduh (1992), *op.cit.*, h. 14.

menggunakan akal fikiran mereka yang membawa mereka ke jurang kesesatan. Menyedari kepentingan untuk menghalang perkembangan yang tidak sihat ini daripada menular di dalam akidah Islam, telah muncul ulama-ulama seperti al-Gazhālī dan sebagainya.

2.1.5 ZAMAN SELEPAS BANĪ ‘ABBĀSIYAH

Mazhab al-‘Asyā‘irah boleh dikatakan mazhab yang paling berkembang pesat ke seluruh pelosok dunia. Tidak ada mazhab lain yang sanggup menyalahinya kecuali mazhab Salaf yang dipelopori oleh Imam Aḥmad Ibn Ḥambal.¹⁹ Pendirian mazhab Salaf ialah menentang unsur-unsur yang berlebihan dari pihak-pihak yang mencampuradukkan ilmu falsafah dan ilmu kalam atau menentang usaha-usaha yang memasukkan prinsip-prinsip falsafah ke dalam akidah Islam. Mazhab ini beriman sebagaimana yang tersebut dalam al-Qur‘ān dan Hadis tanpa takwilan.

Pada permulaan abad ke 7 hijrah telah muncul di Damaskus seorang ulama besar bernama Taqīyuddīn Ibn Taimiyah (728 H) yang membela pendirian salaf dan membantah pendirian-pendirian golongan ‘Asyā‘irah dan lain-lain golongan yang dipandangnya banyak membuat *bid‘ah* dalam akidah dan ibadat. Jalan yang ditempuh oleh Ibn Taimiyah tersebut telah dilanjutkan lagi oleh muridnya yang bernama Ibn Qayyim Jauziyah (751H).

¹⁹H. Hamzah Ya‘qub (1988) *op.cit.*, h. 32.

Setelah berlalunya masa ini, timbullah suatu masa kemunduran dalam ilmu kalam kerana lemahnya daya kreatif mempelajarinya dengan saksama. Penulis-penulis yang terkemudian kebanyakan hanya mengulas makna-makna lafaz dan ibarat dari kitab-kitab peninggalan lama yang menjelma dalam pelbagai kitab syarah.²⁰

Menjelang abad ke- 20 Masihi, barulah muncul kembali gerakan ilmiah dalam Islam yang membangunkan kembali pemikiran Islam yang dipelopori oleh Jamaluddīn al-Afghani (1315 H). Muḥammad ‘Abduh (1323 H) dan Sayid Rāsyid Riḍha (1354 H), Ketiga-tiga ulama ini dipandang amat besar jasanya dalam membangunkan kembali ilmu-ilmu agama dan timbullah jiwa baru dengan memerangi *taklīd* buta yang merantai dunia Islam pada waktu itu. Kemajuan akidah Islam yang dibangunkan kembali oleh mereka itu turut sama membangunkan umat Islam dari tidurnya yang sudah lama dijajah oleh bangsa Eropah.

Inilah sekadar ringkasan dari sejarah pertumbuhan ilmu Tauhid. Ianya sekadar memperlihatkan bagaimana pada mulanya ilmu ini didirikan di atas dasar-dasar dan kaedah al-Qur’ān tetapi akhirnya ia menjadi permainan di tangan orang-orang yang suka bersengketa, sehingga mereka telah menyimpang dari jalan yang sebenarnya dan menjauhkannya dari batas-batas tertentu. Keyakinan yang wajib kita pegang ialah Islam agama tauhid dan bukan agama yang berpecah-pecah dalam kepercayaan-kepercayaan itu. Peranan akal ialah hanya pembantu yang

²⁰ al-Zandānī (1992), *op.cit.*, h. 12.

paling utama kepada *naqal* (al-Qur'ān dan Sunnah) yang merupakan sendi-sendi yang paling kukuh.

2.2. TANGGAPAN GOLONGAN 'ASYĀ'IRAH TENTANG SIFAT-SIFAT ALLAH SWT

Mengikut golongan 'Asyā'irah, Allah itu Esa, Tersendiri, Qadim, Yang Wujud. Bukan bahan, bukan jisim, bukan aradh, tidak terbatas kepada sebarang arah dan tidak mempunyai ruang. Dia mempunyai sifat seperti Maha Tahu, Maha Kuasa, Maha Hidup, Maha Beriradah, Maha Mendengar dan Melihat dan Maha Berkata-kata.

Pegangan golongan 'Asyā'irah di dalam persoalan sifat berlainan sekali dengan pandangan dua kumpulan yang lantang membicarakan tentang sifat ketuhanan. Pertama kumpulan yang mementingkan sifat iaitu kumpulan *Mujassimah* (atnropomofis) dan kumpulan *Musyabbihah* (pembanding) yang berpendapat bahawa Allah mempunyai segala sifat seperti Allah mempunyai tangan, kaki, telinga, mata dan bahawa Allah duduk teguh (*istiwa*) di atas ArasyNya hendaklah diterima dalam erti kata harfiahnya. Pandangan seperti itu membawa kepada implikasi bahawa Allah wujud secara jasmaniyah.²¹ Golongan kedua pula ialah pendapat Mu'tazilah yang berpendapat bahawa Allah itu Esa, Qadim, Tersendiri, Yang Mutlak, tidak ada dualisme di dalamNya. ZatNya Mengetahui, Berkuasa, Berpenglihatan, Beriradat dan sebagainya. Mereka

²¹ Ahmad Zuhdi Bin Ismail (1998), "Konsep Sifat-Sifat Allah: Analisis dan Perbandingan di Antara Aliran Mu'tazilah dan Asyā'irah" *Jurnal Usuluddin*, Bil 8, Disember 1998, h. 78

menolak sifat Allah sebagai apa jua yang selain daripada atau tambahan kepada zatNya.²²

Kumpulan 'Asyā'irah pula mendukung pandangan yang boleh dikatakan pendamai di antara kedua-dua pandangan yang jauh berbeza itu. Sependapat dengan kumpulan yang mementingkan sifat iaitu kumpulan *Mujassimin* dan *Mushabbihin* dan menentang golongan Mu'tazilah dan ahli falsafah, kumpulan 'Asyā'irah berpendapat bahawa Allah mempunyai sifat pada amnya. Mereka membahagikan sifat Allah kepada dua kumpulan yang utama, iaitu sifat *salbiyyah* (sifat negatif) dan sifat *wujudiyyah*. Mengikut mereka sifat *wujudiyyah* juga dikenali mereka sebagai sifat *'aqliyyah* atau sifat rasional, berjumlah tujuh iaitu Berilmu, Berkuasa, Berkehendak, Hidup, Mendengar, Melihat dan Berkata-kata.²³

Kumpulan *Mujassimin* dan *Mushabbihin* yang melampau menegaskan bahawa sifat Allah yang membawa implikasi wujudnya secara jasmani harus diterima dalam pengertian *harfiyyah*. Bertentangan dengan mereka kumpulan 'Asyā'irah berpendapat bahawa sememangnya Allah mempunyai sifat antropomorfis yang nyata, tetapi ianya harus difahami bukan dalam erti kata harfiyyah sebaliknya sifat-sifat tersebut hendaklah dipercayai secara tanpa bertanya bagaimana (*bila kaifa*) dan tanpa membuat apa-apa perbandingan (*bila tashbih*).²⁴

²² M.M. Shariff (1994), *Sejarah Islam Dari Segi Falsafah*, Kuala Lumpur: DBP, J. 1, h. 222.

²³ *Ibid.*

²⁴ Ash'arī, 'Alī Ibn Ismā'īl Ibn Abī Bashr Ishāq Ibn Sālim al-(1985), *al-Ibānah 'An Uṣūl al-Diyānah*. Bairut: Dar al-Kitab al-'Arabi. h. 47

Kumpulan 'Asyā'irah berpegang kepada prinsip bahawa Allah itu tersendiri dan pada pokoknya berlainan daripada sifat makhluk, oleh sebab itu tidak harus dibandingkan dengan mereka. Ini dikenali sebagai akidah *mukhalafah* atau perbezaan mutlak. Akidah ini menghendaki bahawa, sekiranya sebarang kualiti atau istilah digunakan kepada Allah, ia mesti difahami dalam pengertian tersendiri dan jangan sekali-kali difahami dalam pengertian yang biasa digunakan apabila memperkatakan tentang makhluk²⁵. Disebabkan akidah *mukhalafah* itu, kumpulan 'Asyā'irah berpendapat bahawa kita ditegah menentukan sesuatu sifat kepada Allah melainkan dengan nyata sifat tersebut terdapat di dalam al-Quran dan hadis. Sifat Allah berbeza daripada sifat makhluk, bukan dari segi had tetapi dari segi jenis, iaitu pada keseluruhan tabiinya.²⁶

Kumpulan 'Asyā'irah berbanding dengan kumpulan Mu'tazilah berpendapat bahawa Allah mempunyai sifat yang kekal terkandung di dalamNya dan sebagai tambahan kepada zatNya. Sifat ini Qadim, tetapi tidak sama dengan zatnya, misalnya Allah Maha Mengetahui bermakna bahawa Allah mempunyai ilmu sebagai suatu sifat, yang terkandung di dalamnya dan walaupun tidak benar-benar sama dengan zatNya namun bukan suatu yang agak berbeza atau berlainan daripada zatNya. Di sini kumpulan 'Asyā'irah berada pada kedudukan yang agak sukar, mereka berada seperti telur di hujung tanduk dalam keadaan serba salah. Mereka tidak dapat menegaskan sifat qadim Allah, sebagai sama dengan ataupun berbeza sama sekali daripada zatNya.²⁷

²⁵ Ahmad Zuhdi Bin Ismail, *op.cit*, h. 78

²⁶ M.M. Shariff, *op.cit*. h. 223

²⁷ *Ibid.*

Mereka tidak bersetuju dengan pandangan golongan Mu'tazilah dan menegaskan persamaan sifat dengan zat Allah akan membawa kepada penafian langsung kepada sifat tersebut. Mereka juga tidak dapat menegaskan bahawa sifat qadim ini sesuatu yang berlainan sama sekali atau selain daripada atau terpisah daripada Allah, oleh kerana itu akan membawa kepada berbilang-bilang sifat qadim dan bercanggah dengan sifat tauhid Allah SWT dengan demikian mereka berpendapat bahawa sifat ini mengikut satu pengertian termasuk di dalam dan mengikut pengertian yang lain pula terkeluar daripada zat Allah. Memang diketahui umum bahawa kumpulan 'Asyā'irah menyarankan bahawa zat dan sifat merupakan dua benda yang berlainan dan tidak boleh sebaliknya berkaitan dengan Allah Yang Maha Agung. Kumpulan 'Asyā'irah membezakan antara makna atau pengertian (*mafhum*) sesuatu benda dan hakikatnya. Setakat yang berkaitan dengan *makna*, sifat dan zat Allah tidak sama dan kerana itu sifat itu adalah tambahan kepada zat Allah, yakni mereka mempunyai makna yang berbeza. Makna zat berbeza daripada makna sifat yang berbeza-beza. Zat Allah misalnya bukanlah Mengetahui atau Berkuasa atau Bijaksana, tetapi setakat yang berkaitan dengan haqiqah muktamadnya (hakikat atau penggunaan)²⁸, sifat terkandung dalam zat Ilahi dan dengan itu bukan sesuatu yang agak berbeza daripada atau selain daripada zat Allah.

Sebagai menyokong pandangan mereka di atas, 'Asyā'irah mengemukakan hujah berikut;

²⁸ Ahmad Zuhdi Bin Ismail, *op.cit*, h. 75

Hujah kiasan kumpulan 'Asyā'irah yang lebih tua, perbuatan Allah membuktikan bahawa Dia Mengetahui, Berkuasa, Berkehendak dan sebagainya, jadi mereka juga membuktikan bahawa Dia mempunyai ilmu, kuasa, kehendak dan sebagainya kerana alasan kesimpulan tidak boleh berbeza dalam benda yang berlainan. Apa yang benar dalam hal makhluk jadian mestilah juga benar dalam hal Wujud Allah. Dalam hal manusia, dengan kata "mengetahui", kita maksudkan seseorang yang mempunyai ilmu pengetahuan. Dengan kiasan yang sama, perbezaan mesti dibuat di antara Zat Allah dan SifatNya. Zat dan sifat tidak harus diandaikan bercampur dalam Wujud Allah. Maka itu sifat Allah tidak boleh sama dengan zatNya seperti yang dipercayai oleh golongan Mu'tazilah. Akan tetapi kiasan akal ini sangat lemah, oleh kerana apa yang benar bagi makhluk yang terhad tidak semestinya benar bagi yang tidak terhad. Tetapi mengikut akidah *mukhalafah*, Ilmu Allah atau Kuasa atau KehendakNya dan sebenarnya kesemua sifat rasionalNya membawa makna yang agak berlainan apabila digunakan terhadap makhluk jadian.²⁹

Kedua, mereka berhujah sekiranya kesemua sifat Allah itu sama seperti zatNya maka zat Allah mestinya suatu gabungan yang sejenis tentang kualiti yang bertentangan. Misalnya Allah itu bersifat belas kasihan (*Rahim*) dan juga bersifat pembalas dendam(*qahhar*) kedua-dua sifat yang bertentangan akan menjadikan zat Allah yang satu tersendiri dan tidak boleh dibahagikan, dan itu tentu sekali tidak munasabah.³⁰

²⁹ M.M. Shariff, *op.cit.* h. 224

³⁰ *Ibid.*

Tambahan pula sekiranya sifat itu sama dengan zat Allah, misalnya keadaan Dia Mengetahui, Berkuasa dan Hidup itu zatNya sendiri, maka tidak ada faedah yang akan diperoleh dengan memberikan sifat itu kepadaNya, kerana pada akhirnya akan merupakan penggunaan zatNya terhadap diriNya yang sia-sia. Oleh yang demikian sifat Allah tidak boleh sama dengan zat Ilahi.

Ketiga, sekiranya sifat Allah tidak berbeza daripada zatNya, makna-makna bagi sifat yang berlainan itu tentulah sama, kerana zat Allah itu keesaan yang mudah dan tidak boleh dibahagikan. Makna bagi Mengetahui, Berkehendak dan hidup misalnya betul-betul sama serupa dan dengan itu ilmu bermakna kuasa atau kuasa bermakna hidup dan sebagainya. Ini juga sesuatu yang tidak munasabah. Sifat yang berlainan ini membawa implikasi makna yang berlainan dan dengan itu tidak boleh sama dengan zat Allah. ZatNya satu dan Dia mempunyai banyak sifat yang terkandung kekal di dalamNya dan walaupun tidak sama dengan ZatNya namun tidak pula berbeza sama sekali daripada zatNya.³¹

2.3 TANGAPAN GOLONGAN YANG BERBEZA PENDAPAT DENGAN 'ASYĀ'IRAH TENTANG SIFAT-SIFAT ALLAH SWT

Sebelum daripada ini penulis telah menyentuh mengenai tanggapan golongan 'Asya'irah tentang sifat-sifat Allah SWT. Sebagai perbandingannya penulis akan mengemukakan pula pegangan-pegangan yang berbeza daripada golongan nya. Golongan ini terdiri daripada mereka yang menafikan sifat-sifat kesempurnaan Allah SWT yang mana Allah menyifatkan diriNya dengan sifat-sifat tersebut di dalam al-Qur'ān dan Rasulullah s.a.w. juga memuji Allah SWT

³¹ *Ibid*

dengan sifat-sifat tersebut. Mereka telah mengingkari ayat-ayat al-Quran yang menyatakan sifat-sifat tersebut malah mentafsirkannya mengikut akal fikiran mereka yang lemah. Mereka menganggap mengakui Allah SWT bersifat dengan sifat-sifat tersebut boleh membawa kepada kelemahan dan kekurangan pada Allah SWT dan mereka yang mengakuinya yang terdiri daripada para sahabat serta para ulam sebagai golongan yang menyeleweng. Di antara mereka ada yang menafikan kesemua sifat-sifat Allah dan ada yang menafikan sebahagian dan mengakui sebahagiannya, mereka terdiri daripada;

2.3.1 AHLI FALSAFAH

Golongan falsafah terdiri daripada mereka yang mengkaji buku-buku ahli falsafah Yunani seperti Aristotal dan Plato. Mereka amat tertarik dengan apa yang dibincangkan oleh ahli falsafah Yunani tersebut dan menganggapnya sesuatu perkara yang benar berdasarkan dalil-dalil yang disertakan bagi membuktikan hujah mereka.³²

Di dalam persoalan sifat, ahli falsafah telah menafikan sifat-sifat Allah SWT Sifat Allah SWT itu bukanlah *ma'nā*³³ yang berdiri dengan zat malah ianya zat itu sendiri. Bagi mereka Allah SWT tidak bersifat dengan sesuatu dan tidak pula bersifat dengan sebaliknya. Allah tidak bersifat dengan *'Alim*, *Qadir*, *Hay* dan tidak juga dengan *Jahil*, *Lemah* dan *Mati*. Mengisbatkan Allah dengan sifat-

³² Asyqar, 'Umar Sūlaiman al- (1994), *Al-Asma Wa Al-Sīfat Fī Mutaqada Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamā'ah*. Jordan: Dār al-Nāfais, h. 159.

³³ *Al-Ma'nā* ialah gambaran yang ada di fikiran manusia yang dengannya disebutkan sesuatu lafaz atau dikatakan kepada apa yang dikehendaki dengan sesuatu atau apa yang perkataan menunjukkan ke atasnya. Yang dimaksudkan dengan *Al-Ma'nā* di sini ialah *mufrad* daripada *ma'anī* yang bererti setiap yang berdiri dengan mawsūf dan wajib bagiNya dari segi hukum (al-Sanūsī, *Syarḥ 'Aqīdah al-Tauhid al-Kubrā*, hal 213.)

sifat tersebut akan membawa kepada perserupaan Allah dengan benda-benda yang wujud dan jika mengakui Allah SWT bersifat sebaliknya maka telah menyerupai Allah SWT dengan benda-benda yang *ma'dum*.³⁴

2.3.2 ALIRAN JAHMIYYAH

Golongan Jahmiyyah dinasabkan kepada Jaham Ibn Safwan yang merupakan pengembang mazhab ini selepas diambil daripada gurunya Ja'd Ibn Darham. Lahirnya mazhab ini bertujuan untuk menentang golongan yang *mentasbih* dan *mentajsimkan* Allah SWT dengan makhluk yang dipelopori oleh puak *al-Sab'iyah*, *al-Musyabbihah*, *al-Mujasimah* dan *al-Hasyamiyah*.³⁵

Ja'd Ibn Darham merupakan orang yang mula-mula sekali menafikan sifat Allah SWT dan beliau juga orang yang pertama mengatakan bahawa al-Qur'ān itu makhluk. Pendapat ini telah dikembangkan lagi oleh Jaham Ibn Safwan dengan mengguna pakai metodologi yang digunakan oleh Ja'd Ibn Darham iaitu mentafsirkan al-Qur'ān berdasarkan akal fikiran. Ayat-ayat al-Qur'ān telah ditakwilkan bagi membenarkan pendapat mereka. Tujuannya di samping menentang golongan yang mentasybihkan Allah, ia juga menentang fahaman dari agama Yahudi, Kristian dan fahaman agama Parsi yang menentang Islam dengan hebat sekali sehingga mereka berpendapat bahawa metode Hadis tidak dapat menghadapinya. Inilah yang mendorong mereka menggunakan metode akal.³⁶

³⁴ Asyqar, 'Umar Sillaiman al- (1994), *op.cit.*, h. 160.

³⁵ Mohd Sulaiman Haji Yasin, "*Pengantar Falsafah Islam*", DBP. Kuala Lumpur, 1982, hal 116

³⁶ *Ibid.*

Jahm Ibn Safwan berpendapat bahawa Allah tidak bersifat kecuali sifat *Khāliq*, *Qadīr* dan *Fā'il*. Sifat ini tidak boleh disifatkan kepada makhluk.³⁷ Pendapat ini adalah bersesuaian dengan pendapatnya tentang perbuatan manusia yang tidak ada kuasa melakukan sesuatu, apa jua yang manusia lakukan adalah dari Allah.³⁸ Di dalam persoalan sifat-sifat Allah SWT, golongan Jahmiyyah berpendapat tidak harus disifatkan Allah SWT dengan sifat-sifat yang boleh disifatkan kepada makhluk kerana hal yang demikian akan membawa kepada perserupaan Allah SWT dengan makhluk. Oleh itu mereka menafikan Allah SWT bersifat dengan *Syi'*, *Hay*, *'Alim*, *Mūrid*. Sebaliknya mereka menyifatkan Allah SWT dengan sifat-sifat seperti *Qādir*, *Mawjūd*, *Fā'il*, *Khāliq*, *Muḥyi* dan *Mūmit*, kerana sifat-sifat tersebut hanya dikhaskan kepadaNya sahaja dan tidak harus disifatkan kepada makhluk. Oleh kerana itu golongan ini berpendapat bahawa manusia tidak mempunyai kuasa di atas perbuatan mereka malah semuanya telah ditentukan oleh Allah SWT

2.3.3 MAZHAB MU'TAZILAH

Pengasas mazhab Mu'tazilah ialah Abū Huzdaifah Wasil Ibn 'Atā' (80H-130H) di sekitar tahun 10H - 110H iaitu dalam lingkungan masa sebelum Ḥasan al-Basri wafat iaitu tahun 110H dan selepas tahun 100 H ketika umurnya telah meningkat 20 tahun lebih³⁹ di zaman 'Abdul Mālik Ibn Marwan dan anaknya Hisyam Ibn 'Abdul Mālik. Golongan ini dikenali sebagai Mu'tazilah kerana Wasil telah memisahkan dirinya dari majlis gurunya kerana berlainan pendapat dengan

³⁷ Al-Shahrastānī, Muḥammad 'Abd al-Karīm Ibn Abī Bakr Aḥmad (1990), *Al-Milal Wa al-Niḥal*, j.1. Bairut : Dār al-Kitāb al-'Alamiyyah, h. 30

³⁸ Mudāsir Rosder (1989), *op.cit.*

³⁹ *Ibid.* h. 6.

gurunya Hasan al-Basri tentang masalah orang Islam yang mengerjakan maksiat dan dosa besar yang mati sebelum bertaubat.

Golongan ini sendiri tidak suka dan tidak mahu mereka dinamakan Mu'tazilah⁴⁰. Mereka mengakui diri mereka sebagai golongan pembela keadilan dan ketauhidan⁴¹.

Pada asasnya golongan Mu'tazilah menafikan wujudnya sifat bagi Allah SWT, tetapi terdapat perbezaan dalam mentafsirkan hal tersebut di kalangan mereka.

Ada di kalangan mereka yang menganggap bahawa zat dan sifat adalah perkara yang sama, kerana jika sebaliknya maka timbullah *Jama' Baqa'*. Hasilnya akan gugurlah akidah Tauhid⁴². Ada pula yang berpendapat zat dan sifat tidak boleh dipisahkan. Sifat itu bukanlah sesuatu yang lain daripada zat bahkan sifat itu adalah zatNya sebagai *amr i'tibārī*⁴³ yang bermakna *salbī*⁴⁴ yang bermaksud menafikan lawan sifat tersebut. Jika dikatakan bahawa Allah itu '*Alim*', maka pastilah bagiNya '*Ilm*'. *Ilm* itu adalah Allah maka ternafilah bagiNya Jahil.

Perbezaan di antara dua pendapat ini ialah, pendapat yang pertama menafikan sifat Allah dan yang kedua mengisbatkan zat itu sendirilah sifat dan

⁴⁰ Noraine Abu (1999), *Sifat 20 : Ke arah Memahami Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah*. Selangor: Pustaka Ilmi, h. 244.

⁴¹ Al-Shahrastānī, Muḥammad 'Abd al-Karīm Ibn Abī Bakr Aḥmad (1990), *Al-Milal Wa al-Niḥal*, j. 1. Bairut : Dār al-Kitāb al-'Alamiyyah, h. 38

⁴² Ahmad Zuhdi Bin Ismail (1998), "*Konsep Sifat-Sifat Allah : Analisis Dan Perbandingan Diantara Aliran Mu'tazilah Dan 'Asy'irah*", Dalam *Jurnal Usuluddin*, UM, Kuala Lumpur, bil 8, h. 70.

⁴³ *amr i'tibārī* ialah perkara yang tidak wujud di dalam kenyataan, hanya wujud di akal fikiran sahaja.

⁴⁴ Al-Shahrastānī (1990), *op.cit*, h. 44

sifat itu zatNya⁴⁵. Daripada sini dikembangkan pendapat-pendapat golongan Mu'tazilah yang mana dapatlah disimpulkan bahawa golongan Mu'tazilah walau daripada puak mana pun mereka berada bersepakat di dalam persoalan sifat Allah dengan menafikan Allah itu mempunyai sifat. Oleh yang demikian golongan ini dikenali sebagai golongan *mu'attilah* (menafikan sifat Allah)

Mu'tazilah berpegang bahawa zat Allah SWT adalah satu dan mutlak. Ianya tidak mempunyai sifat yang *zā'id* padaNya kerana jika Allah SWT mempunyai sifat maka akan membawa kepada berbilang-bilang pada yang *Qādim* maka ternafilah tauhid. Golongan Mu'tazilah semasa membicarakan perkara ini lebih cenderung berhukum dengan dalil akal kerana pada pandangan mereka dalil akal itu bersifat *Qat'i*, dan dalil-dalil daripada nas al-Qur'ān itu bersifat *zaniyat*. Oleh kerana itu mereka telah melampaui dalam menggunakan akal pemikiran sehingga mentakwilkan ayat-ayat al-Qur'ān dengan berdasarkan akal mereka.

⁴⁵ Al-Shahrastānī (1990), *op.cit.*, h. 44.